

Wanita rakam penghargaan khas kepada Siti Hasmah

UM 19 JUN 2003
KUALA LUMPUR, 18 Jun — Pergerakan Wanita UMNO hari ini merakamkan penghargaan khas kepada Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali yang telah mewujudkan satu suasana persekitaran bagi membolehkan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menonjolkan kecemerlangannya.

Ketua Pergerakan Wanita UMNO, Datin Seri Rafidah Aziz berkata, tanpa suasana kondusif dan menggalakkan itu, tidak mungkin Perdana Menteri dapat memperlihatkan kehebatan kepimpinannya dengan cemerlang seperti hari ini.

“Walaupun atas sifat peribadinya, Dr. Mahathir mampu membawa kemajuan dan pembangunan seperti yang kita nikmati sekarang tetapi sebagai manusia biasa, beliau memerlukan suasana yang menggalakkan kejayaan.

“Jadi untuk Dr. Mahathir memberikan sumbangan cemerlang kepada agama, bangsa dan negara, beliau memerlukan suasana yang menggalakkan dan suasana ini telah disediakan oleh teman hidup beliau, Datin Seri Dr. Siti Hasmah,” katanya.